

03/05/2003

Wadah baru bangun sektor pertanian

Nik Yahya Ab Rahman

MENTERI Pertanian, Datuk Mohd Effendi Norwawi bersungguh-sungguh memperkasa dan menobatkan kembali sektor pertanian negara.

Di antara program yang dicernakan ialah penerbitan akhbar sisipan MOA Inc oleh Kementerian Pertanian dan Berita Harian pada setiap bulan, bermula 30 April lalu.

Penerbitan itu untuk memaparkan berita, peristiwa, inovasi, penemuan terbaru, program, projek pendekatan baru, dasar terkini dan peruntukan kewangan kerajaan untuk pembangunan pertanian negara khususnya, dalam tempoh

Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Pada masa sama, banyak maklumat pembangunan pertanian lain akan dimuatkan secara terperinci, terutama yang terkandung dalam Dasar Pertanian Negara Tiga 1998 - 2010 (DPN3, 1998 - 2010).

DPN3 adalah induk kepada segala program dan projek pembangunan 12 jabatan atau agensi dalam Kementerian Pertanian untuk membangunkan peladang, penternak dan nelayan.

Seiring itu, peluang yang ada, sepatutnya diambil oleh setiap agensi dan

jabatan untuk memaklum dan mempromosikan imej korporat Kementerian Pertanian serta jabatan dan agensi dalamnya.

Selain itu, peranan sektor pertanian penting dalam menangani masalah kegawatan ekonomi terutama menyediakan bahan makanan berkualiti dan selamat dimakan. Pada masa sama, pengaliran wang ke luar negara dapat dibendung dengan strategi pengeluaran hasil pertanian dan makanan. Ini juga maklumat yang wajar dipapar dan digerakkan kepada rakyat untuk sama-

sama menyumbang ke arah peningkatan pengeluaran makanan negara.

Dalam menangani kemelesetan ekonomi, sektor pertanian kembali penting. Banyak pihak mula sedar, lantaran itu Majlis Tindakan Ekonomi Negara mengarahkan Kementerian Pertanian mencari suatu mekanisme ke arah itu. Berikutan itu, peranan pertanian terserlah dan sektor ini diiktiraf sebagai penjana ketiga pembangunan ekonomi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2003, tahun lalu menjelaskan, sektor pertanian bergerak selari dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan. Tidak syak lagi, pertanian bukan

suatu industri malap. Tanpa makanan yang cukup, berkualiti dan stabil, kebuluran pasti berlaku. Apabila kebuluran berlaku, pelbagai penyakit akan

merebak dan gejala sosial sudah tentu lebih membimbangkan.

Dalam mengetengahkan imej korporat sektor pertanian negara, aspek komunikasi dan pemasaran ditekankan Effendi ke mana juga beliau pergi. Aspek yang lebih dikenali sebagai komunikasi pemasaran, adalah penting dalam meletakkan imej, status dan harga hasil pertanian serta makanan negara. Misalnya buah-buah tempatan perlu setanding dengan buah-buahan import. Ia bukan saja dapat menandingi rasa, bentuk dan ketahanan, malah dari segi mutunya.

Kepentingan sektor pertanian semakin terserlah. Lihat saja kelapa muda

dan ulam kini berada di kafe, restoran bertaraf lima bintang dan hotel bertaraf dunia. Malah, pembukaan Kolej Pertanian Malaysia (KPM) di kampus sementara di Alor Setar, Kedah 28 April lalu, sudah tentu mampu menjana hasrat untuk mentransformasikan sektor pertanian negara dengan lebih cepat. KPM akan mengendalikan latihan, kemahiran pertanian yang berorientasikan teknologi, kemahiran, pengurusan dan keusahawanan. Justeru, langkah Kementerian Pertanian menerbitkan wadah baru kepada masyarakat pertanian berada pada landasan ampuh, mapan dan berhemat.

NIK YAHYA AB RAHMAN,
Kuala Lumpur.